



## **BAB EMPAT**

## **BAB EMPAT : PELAKSANAAN PUNGUTAN DAN PENGAGIHAN ZAKAT**

### **FITRAH DI NEGERI SEMBILAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini menjelaskan kaedah pelaksanaan urusan dan pungutan zakat yang telah dipraktik dan dilaksanakan oleh Baitulmal Negeri Sembilan menurut enakmen. Turut disertakan ialah data-data terperinci tentang jumlah pungutan dan agihan bermula dari tahun 1990 sehinggalah tahun 2001 serta huraian tentang perbandingan data antara tahun-tahun yang dikaji. Di samping itu, nama-nama badan, organisasi dan orang perseorangan yang layak menerima dana zakat mengikut kategori *aṣnāf* turut dinyatakan sebagai pengetahuan umum.

#### **4.2 Pelaksanaan urusan pungutan zakat fitrah menurut enakmen**

Di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum *Syara*<sup>c</sup> (Negeri Sembilan) tahun 1991 telah dinyatakan bahawa Majlis (MAINS) berkuasa memungut bagi pihak Yang di-Pertuan Besar dengan syarat bahawa kuasa itu tidak boleh dijalankan oleh Majlis sehingga satu ketetapan membuat demikian itu telah diluluskan oleh Majlis dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Besar. Setelah diterbitkan di dalam *Warta* akan ketetapan tersebut di dalam subseksyen (1) dan tertakluk kepada syarat-syarat hukum *syara*<sup>c</sup>, maka hendaklah menjadi wajib ke atas semua orang Islam membayar zakat fitrah.<sup>1</sup>

Terdapat beberapa ahli jawatankuasa yang mengelolakan pungutan fitrah ini. Jawatankuasa ini terdiri daripada Yang Di Pertuan Besar, Mufti Kerajaan

Negeri Sembilan dan tiga orang lagi yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.<sup>2</sup> Jawatankuasa ini juga mempunyai kuasa melantik atau memecat amil-amil yang menguruskan pungutan zakat fitrah, membahagikan bahagian fitrah dan menjalankan apa-apa langkah yang difikirkan mustahak untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan.<sup>3</sup>

Pungutan zakat ini dimulakan daripada 1hb. *Ramaḍān* pada tiap-tiap tahun dan berakhir ketika hendak mendirikan solat Hari Raya Aidilfitri. Urusan pungutan zakat dan fitrah di Negeri Sembilan dikendalikan oleh Baitulmal di bawah kawalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Jabatan mempunyai kuasa dan menjadi tanggungjawab untuk memungut dan mengendalikan semua urusan zakat fitrah yang wajib dibayar di negeri ini, mengikut hukum *syara'* bagi pihak Yang Di Pertuan Besar atas nasihat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang diketuai oleh Menteri Besar sebagai pengkerusinya.<sup>4</sup>

Sebelum zakat dipungut, pegawai zakat akan mengarahkan amil-amil membuat bancian terhadap pengeluar zakat dengan membuat taksiran berkenaan dengan orang-orang yang kena membayar zakat dan menyampaikan taksiran itu kepada mereka dan pegawai zakat sebagai mewakili pihak Baitulmal berkuasa untuk mendapatkan maklumat daripada mana-mana orang yang menganut agama Islam yang boleh dikenakan pembayaran zakat dan fitrah.<sup>5</sup>

#### 4.2.1 Ketetapan Harga Zakat Fitrah

Dalam permasalahan membayar zakat fitrah, pihak Baitulmal membenarkan pembayarannya dalam bentuk makanan dan juga wang tunai. Di dalam enakmen, peruntukan mengenai kewajipan membayar zakat fitrah ada disebutkan di dalam seksyen 159, iaitu kewajipan menunaikan zakat fitrah adalah ke atas seluruh rakyat yang beragama Islam di Negeri Sembilan dengan kadar pembayaran bagi setiap orang sebanyak satu gantang Baghdad makanan asasi yang ditetapkan oleh Majlis seperti yang dikehendaki oleh *syara*<sup>c</sup>. Bayaran juga boleh diniatkan dengan wang tunai dengan kadar tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Ahli Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang diketuai oleh Menteri Besar sendiri selaku Pengerusi MAINS dengan kelulusan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.<sup>6</sup>

Nilai satu gantang Baghdad adalah bersamaan tiga kati dua belas tahlil (3 kati 12 tahlil) atau yang bersamaan dengannya pada lain-lain timbangan. Pada tahun 1999, kadar zakat fitrah di Negeri Sembilan ialah RM 3.90 seorang dan pada tahun 2000 ialah sebanyak RM 4.00 seorang dan ini merupakan nilai segantang beras gred super dan dimakan oleh kebanyakan orang Islam bertaraf sederhana<sup>7</sup> di Malaysia. Ketetapan harga tersebut adalah berdasarkan perbincangan di antara wakil-wakil setiap daerah yang kemudiannya dimaklumkan kepada orang ramai melalui risalah-risalah, ceramah-ceramah, hebahan-hebahan solat Jumaat dan radio.<sup>8</sup>



#### 4.2.2 Kaedah Pungutan Zakat Fitrah

Menurut Enakmen Pentadbiran Hukum Syara<sup>c</sup> Tahun 1991 ada menyebut bahawa:<sup>9</sup>

*“Majlis, dengan persetujuan Yang di-Pertuan Besar boleh membuat kaedah-kaedah untuk dan mengawalselia semua perkara-perkara yang berhubung dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah. Tanpa menyentuh peruntukan am yang terdahulu, Majlis dengan persetujuan Yang di-Pertuan Besar boleh membuat kaedah-kaedah untuk:*

- (a) menentukan dari masa ke semasa akan berapa banyaknya zakat dan fitrah yang akan dibayar oleh sekalian orang Islam di dalam Negeri ini*
- (b) mengadakan cara-cara bagaimana zakat dan fitrah hendak dipungut*
- (c) melantik amil-amil memungut zakat fitrah*
- (d) mengadakan hukuman-hukuman kerana pungutan atau bayaran zakat dan fitrah oleh atau kepada orang-orang yang tidak diberi kuasa; dan*
- (e) mengadakan hukuman-hukuman bagi kegagalan membayar zakat dan fitrah oleh orang-orang yang wajib membayar.*

Berdasarkan enakmen tersebut, adalah jelas sekali bahawa pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan mempunyai kuasa mutlak melalui agensinya iaitu Baitulmal Negeri Sembilan untuk menetapkan suatu kaedah di dalam pelaksanaan pungutan zakat dan fitrah tetapi hendaklah mendapat perkenan dan persetujuan daripada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan selaku ketua agama Islam negeri. Selain penetapan kaedah, satu perundangan tertentu boleh diwujudkan untuk bertindak sebagai pengawalan terhadap kegagalan para pembayar untuk membayar zakat dan fitrah dengan mengadakan bentuk hukuman yang sewajar dan setimpal.

Mengikut kaedah yang dipraktiskan oleh Baitulmal dengan bersandarkan hukum syara<sup>c</sup> maka zakat fitrah telah dikutip setahun sekali, lazimnya semasa

tempoh sepanjang bulan *Ramaḍan*. Maka pembayarannya dilihat oleh sebahagian besar masyarakat Islam sebagai salah satu daripada ciri utama bulan *Ramaḍān* dan ianya telah dijadikan satu acara tradisi dan dengan sebab itulah umat Islam tidak merasa keberatan untuk menunaikannya berbanding dengan zakat-zakat harta yang lain.

Di Negeri Sembilan, zakat fitrah boleh dibayar dengan beras, jagung atau jenis makanan asasi yang ditetapkan oleh Majlis ataupun dengan nilainya seperti mana yang ditetapkan mengikut harga semasa.<sup>10</sup> Zakat fitrah boleh dibayar kepada saluran rasmi iaitu Baitulmal bermula dari 1 *Ramaḍān* sehingga tidak lewat daripada 1 *Syawal*. Pihak Baitulmal akan melantik amil-amil bagi setiap mukim masjid untuk mengutip zakat fitrah. Orang ramai boleh membuat bayaran fitrah di masjid-masjid, surau-surau atau kepada Baitulmal sendiri melalui kaunter-kaunter yang dibuka di sekitar bandar seperti pusat membeli belah yang menjadi tumpuan orang ramai. Perlu diingatkan bahawa perlantikan amil-amil tersebut bukan semata-mata untuk mengutip zakat fitrah tetapi juga zakat-zakat harta yang lain.

Sebagai satu polisi pentadbiran, pihak Baitulmal akan mengeluarkan resit-resit yang berturutan nombornya di dalam borang yang ditetapkan bagi tiap-tiap pengeluaran zakat sama ada dengan wang tunai ataupun dengan makanan.<sup>11</sup>

Walaupun zakat fitrah boleh dibayar melalui saluran rasmi tetapi dalam waktu yang sama juga terjadi pembayaran melalui sistem tidak rasmi. Fenomena ini tetap berlaku walau dalam keadaan apa sekalipun, kerana fahaman terhadap

pembayaran oleh masyarakat adalah berlainan. Sesetengah mereka menganggap pembayaran melalui Baitulmal atau amil-amil kurang menepati dengan kehendak atau objektif *syara'* kerana wang kutipan itu kadangkala diselewengkan daripada tujuan sebenar penggunaannya.<sup>12</sup>

Namun demikian melalui enakmen yang sama, pembayar zakat dan fitrah boleh mengemukakan sebarang rayuan jika kurang berpuashati terhadap proses pembayaran sama ada harga yang telah ditetapkan oleh Majlis mahupun tidak mampu untuk membayar zakat dan fitrah atas sebab-sebab tertentu dan pihak Majlis dikehendaki menimbangkan bantahan dan rayuan itu. Enakmen tersebut berbunyi:<sup>13</sup>

*“Seseorang boleh membuat bantahan kepada Majlis terhadap sesuatu tuntutan bayaran zakat dan fitrah olehnya. Majlis hendaklah menimbang bantahan itu dan boleh memerintahkan supaya orang itu hendaklah membayar jumlah zakat dan fitrah yang dituntut daripadanya, atau suatu jumlah yang kurang sedikit sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis atau boleh memerintahkan bahawa orang itu hendaklah tidak terkena membayar zakat dan fitrah di dalam sesuatu tahun atau beberapa tahun atau salah satu daripadanya. Keputusan Majlis terhadap bantahan itu hendaklah muktamad dan tidak boleh disoal di mana-mana mahkamah*

Secara keseluruhannya, kebanyakan dari kalangan masyarakat Islam di Negeri Sembilan masih lagi mengikut saluran rasmi untuk membayar zakat iaitu kepada amil-amil yang dilantik atau terus kepada Baitulmal. Dalam masa yang sama juga, terdapat di kalangan masyarakat Islam yang menggunakan saluran tidak rasmi seperti membayar zakat fitrah kepada guru-guru agama, guru-guru pondok, bidan-bidan kampung dan kepada saudara-mara atau jiran terdekat mereka yang dikenalpasti sebagai orang yang betul-betul miskin dan memerlukan bantuan.

#### 4.2.3 Hasil Pungutan Zakat

Penulis mendapati bahawa pendapatan daripada kutipan zakat dan fitrah di Negeri Sembilan telah menunjukkan satu peningkatan yang menggalakkan dari setahun ke setahun. Daripada perangkaan yang didapati bermula dari tahun 1992 hingga 1998 jelas dapat dilihat peningkatan tersebut.

Peningkatan ini adalah usaha yang dilakukan oleh Baitulmal sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sebagai contoh, pendapatan tahun 1998 sebanyak RM7,566,333.58 berbanding pada tahun 1992 yang mencatat pungutan sebanyak RM3,156,691.15 iaitu pertambahan sebanyak lebih RM 4 juta. Ini merupakan satu pertambahan yang diluar jangkaan jika diambil kira jangka waktu yang dikaji iaitu hanya selama enam tahun. Jumlah pungutan yang dinyatakan di atas ialah pendapatan daripada zakat harta dan zakat fitrah. Peningkatan jumlah pungutan zakat ini mungkin disebabkan oleh pertambahan pungutan zakat fitrah daripada RM953,224 pada tahun 1992 kepada RM1,763,183.20 pada tahun 1998.<sup>14</sup>

Senarai pungutan keseluruhan dari tahun 1992 hingga bulan September

1999 adalah seperti jadual di bawah :

Jadual 2 : Jumlah Pungutan Zakat dan Fitrah bagi tahun 1992 –1999

Tahun	Jumlah Pungutan Zakat Fitrah	Jumlah Pungutan Zakat Keseluruhan
1992	953,224.00	3,156,691.15
1993	981,951.20	3,735,344.97
1994	1,166,310.70	4,250,516.41
1995	1,212,858.50	4,446,564.21
1996	1,348,173.00	5,830,264.63
1997	1,636,008.50	7,470,210.87
1998	1,763,183.20	7,566,333.58
1999 (Sehingga September)	1760,289.80	5,906,175.15

Sumber : Bahagian Zakat, Baitulmal

Jadual 3 : Jumlah Pungutan Zakat Fitrah 1999

DAERAH	BIL AMIL	FITRAH WANG		FITRAH BERAS		JUMLAH KUTIPAN FITRAH		KADAR FITRAH
		ORANG	RM	ORANG	RM	ORANG	RM	
IBU PEJABAT/KAUNTER	25	8,943	34,877.70	-	-	8,943	34,877.70	3.90
SEREMBAN	234	152,818	595,990.20	-	-	152,818	595,990.20	3.90
KUALA PILAH	220	58,774	229,218.60	-	-	58,774	229,218.60	3.90
JEMPOL	140	89,811	350,262.90	-	-	89,811	350,262.90	3.90
JELEBU	79	28,214	110,034.60	-	-	28,214	110,034.60	3.90
TAMPIN	71	23,793	92,792.70	-	-	23,793	92,792.70	3.90
GEMAS	57	30,341	118,329.90	-	-	30,341	118,329.90	3.90
REMBAU	128	36,330	141,687.00	-	-	36,330	141,687.00	3.90
PORT DICKSON	82	48,794	190,296.60	-	-	48,794	190,296.60	3.90
JUMLAH	1,036	477,818	1,863,490.20	-	-	477,818	1,863,490.20	

Sumber: Bahagian Zakat Baitulmal, MAINS

Jadual 4 : Jumlah Pungutan Zakat Fitrah 2000

DAERAH	BIL AMIL	FITRAH WANG		FITRAH BERAS		JUMLAH KUTIPAN FITRAH		KADAR FITRAH
		ORANG	RM	ORANG	RM	ORANG	RM	
IBU PEJABAT/KAUNTER	29	14,442	57,768.00	-	-	14,442	57,768	4.00
SEREMBAN	230	157,807	631,228.00	-	-	157,807	631,228	4.00
KUALA PILAH	216	59,560	238,240.00	-	-	59,560	238,240	4.00
JEMPOL	138	90,988	363,952.00	-	-	90,988	363,952	4.00
JELEBU	77	28,105	112,420.00	-	-	28,105	112,420	4.00
TAMPIN	71	25,315	101,260.00	2	8	25,317	101,268	4.00
GEMAS	60	30,443	121,772.00	-	-	30,443	121,772	4.00
REMBAU	125	37,206	148,824.00	-	-	37,206	148,824	4.00
PORT DICKSON	78	50,207	200,828.00	-	-	50,207	200,828	4.00
JUMLAH	1,024	494,073	1,976,292.00	2	8	494,075	1,976,300	4.00

Sumber: Bahagian Zakat, Baitulmal, MAINS

Jadual di atas merupakan data terkini yang didapati oleh penulis setakat kajian ini dibuat dan ianya jelas sekali menunjukkan peningkatan yang agak memeberangsangkan antara tahun 1999 dan 2000. Berdasarkan data tersebut, seramai 494,075 orang telah menunaikan zakat fitrah bagi tahun 2000 berbanding seramai 477,818 orang pada tahun 1999 dengan peningkatan dicatatkan sebanyak 3.4%. Peningkatan ini telah melebihi sebanyak 1.97% berbanding peningkatan yang dicatatkan tahun 1998-1999 yang mana hanya 0.43% sahaja peningkatan dicapai pada tahun 1998-1999. Dari segi kutipan pula sebanyak RM1,976,300.00

telah berjaya dikutip bagi tahun 2000 berbanding sebanyak RM1,863,490.20 pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 6.05%. Peningkatan ini juga telah jauh mengatasi kadar pertumbuhan yang dicatatkan tahun 1998-1999 dengan hanya sebanyak 0.13%. Faktor ini sudah tentu berpunca dari pertambahan penduduk sekitar dan penduduk luar yang berhijrah ke Negeri Sembilan yang semakin meningkat. Selain itu, kenaikan harga fitrah sebanyak 10 sen seorang kepada RM4.00 bagi tahun 2000 juga menyumbang ke arah peningkatan jumlah pungutan.

Dari segi pungutan setiap daerah pula, Seremban kekal mendahului daerah-daerah lain dengan perbezaan yang agak ketara dengan diikuti kemudiannya oleh Jempol dan Kuala Pilah. Daerah yang paling sedikit menerima pungutan fitrah ialah Tampin dengan hanya mencatat sebanyak RM101,268.00 bagi tahun 2000 dan RM92,792.70 bagi tahun 1999. Namun begitu, bilangan amil bagi tempoh dua tahun tersebut berkurangan seramai 12 orang iaitu seramai 1,024 orang bagi tahun 2000 berbanding 1,036 pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa Baitulmal dibawah MAINS telah berjaya melatih para amil untuk meningkatkan tahap prestasi masing-masing walaupun jumlah orang ramai yang berfitrah semakin meningkat. Ini seterusnya dapat mengurangkan kos dan peruntukkan para amil dan seterusnya dapat menambahkan peruntukkan kepada golongan fakir miskin yang lebih memerlukan.

Namun demikian, beberapa aspek lain haruslah diberi penumpuan seperti bilangan amil dan tahap keberkesanan dalam menjalankan tugas. Di beberapa daerah misalnya bilangan amil haruslah dikaji semula memandangkan bilangan

amil yang dilantik tidak berbaloi dengan hasil yang dikutip. Sebagai contoh, di daerah Kuala Pilah, bilangan amil sebanyak 220 orang telah dilantik tetapi hanya mencatatkan kutipan sebanyak RM229,218.60 berbanding di daerah Jempol yang hanya mempunyai seramai 140 orang amil tetapi telah berjaya membuat kutipan sebanyak RM350,262.90 melebihi apa yang dicatatkan di daerah-Kuala Pilah. Begitu juga dengan daerah Rembau yang hanya mencatatkan kutipan RM141,697.00 dengan bilangan amil seramai 128 orang sedangkan daerah Port Dickson telah berjaya mengatasi jumlah tersebut dengan hanya menggunakan seramai 82 orang amil.

Kesimpulannya, penulis mendapati beberapa daerah perlu meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat fitrah terutamanya di daerah Kuala Pilah, Rembau, Jelebu dan Tampin memandangkan bilangan amil yang dilantik tidak setimpal dengan jumlah kutipan berbanding dengan daerah-daerah lain. Jika didapati bilangan orang Islam di daerah-daerah tersebut adalah sedikit dan mempengaruhi jumlah kutipan zakat fitrah, seharusnya pihak baitulmal dapat mengurangkan bilangan amil di dalam daerah tersebut mengikut kesesuaian nisbah amil kepada bilangan orang Islam. Kesesuaian bilangan amil mengikut bilangan orang Islam boleh mengelakkan peruntukkan yang berlebihan kepada *aṣṇāf* amil berbanding *aṣṇāf* fakir dan miskin yang seharusnya diberi keutamaan. Hal ini adalah penting bagi meningkatkan tahap efisien di dalam pembahagian hasil zakat mengikut keutamaan yang telah digariskan oleh *syara*<sup>c</sup>.



#### 4.2.4 Usaha-usaha yang dilakukan untuk menambah kutipan zakat fitrah

Pada hari ini, kita dapat menerima hakikat bahawa jumlah pungutan zakat harta masih lagi kecil berbanding dengan pungutan zakat fitrah. Beberapa andaian boleh kita buat tentang persoalan zakat fitrah sebagai jenis zakat yang paling banyak dikutip. Umumnya keadaan ini berlaku disebabkan oleh usaha gigih yang dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan melalui Baitulmal terhadap zakat jenis ini. Menyedari hakikat inilah, maka pihak jabatan telah mengambil pelbagai langkah untuk menarik umat Islam supaya menunaikan kewajipan mereka terhadap zakat. Di antara usaha-usaha yang dilakukan termasuklah :<sup>15</sup>

- i. Mengadakan ceramah-ceramah zakat di badan-badan berkanun, kakitangan sekolah, maktab-maktab perguruan, badan-badan swasta dan sebagainya.
- ii. Mengedar buku-buku risalah panduan zakat iaitu mengenai zakat harta dan zakat fitrah.
- iii. Mengedarkan borang taksiran zakat dimana kesannya amat baik.
- iv. Berusaha untuk meningkatkan keyakinan dan pemulihan imej Baitulmal supaya lebih dipercayai oleh orang ramai terhadap pengurusan Baitulmal dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan sendiri selaku pemegang amanahnya melalui :
  - a. Penyusunan semula sistem perakaunan zakat dengan lebih jelas.
  - b. Penyemakan dan cadangan penyusunan semula perjawatan bahagian zakat supaya mampu menghadapi cabaran dan bebanan

tugas yang semakin mencabar menerusi semakan perjawatan dan belanjawan 1999 dan diharap mendapat perhatian yang serius dari pihak kerajaan.

- c. Meningkatkan prestasi pengurusan pada Bahagian Zakat.
- d. Berusaha mengagihkan wang zakat dengan sebaiknya sebagaimana yang dikehendaki oleh *syara*<sup>c</sup>

#### 4.3 Pengagihan Zakat Fitrah di Negeri Sembilan

Bagi Negeri Sembilan, pengagihan zakat ditetapkan hanya kepada lapan *aṣnāf* seperti yang telah ditetapkan di dalam al-Quran iaitu fakir miskin, amil, *mu'allaf*, *ibn sabīl*, *fī sabīlillah*, *riqāb* dan *qhārimīn*. Pada masa sekarang *aṣnāf* *riqāb* tidak lagi wujud. oleh itu bahagian kepada golongan ini, dipindahkan kepada *aṣnāf-aṣnāf* yang lain.

##### a. Pengagihan Tahun 1999

Sehingga bulan Jun 1999 ini Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM14,500 untuk Badan-Badan Kebajikan Islam di Negeri Sembilan. Antara tujuan bantuan tersebut ialah untuk memberi sokongan kepada Pertubuhan-Pertubuhan Kebajikan Islam bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan terutamanya hal-hal yang melibatkan bimbingan dan dakwah masyarakat Islam di negeri ini. Antaranya bantuan bagi program motivasi pelajar-pelajar di bawah anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan sumbangan-sumbangan kepada masjid

kariah untuk pertandingan berzanji dan marhaban yang telah diadakan baru-baru ini.

Sementara itu sebanyak RM3,600 telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan bagi membiayai bantuan kebajikan am di negeri ini. Pihak majlis telah mengagihkan bantuan tersebut mengikut syarat-syarat yang telah disediakan.

Motif utama bantuan ini adalah berdasarkan rasa prihatin dan tanggungjawab bersama bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan. Kebanyakan bantuan tersebut meliputi bantuan kos perubatan hospital.

Sebagai menggalakkan lagi mutu pembelajaran agar meningkat ke tahap yang lebih cemerlang, pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ada menyediakan peruntukan Bantuan Pelajaran Dalam Negeri kepada pelajar-pelajar yang berjaya dengan cemerlang bagi melanjutkan pengajian mereka ke tahap yang seterusnya di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Sehubungan itu, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah meluluskan hampir seratus permohonan yang berjumlah hampir kira-kira RM650,000.00 bagi tujuan tersebut. Permohonan tersebut diproses terlebih dahulu dengan mengambil kira keputusan peperiksaan yang cemerlang.<sup>16</sup>

Sementara itu, seramai kira-kira 20 orang pelajar anak Negeri Sembilan dijangka akan melanjutkan pengajian tinggi agama di Universiti Al-Azhar pada

sesi ini (1999/2000). Mereka akan dibiayai melalui Skim Biasiswa Pengajian Tinggi Agama MAINS. Ia dijangka akan melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak kira-kira RM120,000 setahun. Mereka ini terdiri daripada pelajar-pelajar Empat Sanawi Maahad Ahmadi, kelas Tahfiz Maahad Ahmadi dan lepasan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu (KUSZA).<sup>17</sup>

Bantuan kepada pesakit buah pinggang juga turut diberi perhatian oleh MAINS melalui Baitulmal dengan menghulurkan bantuan sebanyak RM1,000 tiap-tiap seorang kepada dua orang pesakit buah pinggang iaitu Puan Sariah Tasrip yang tinggal di Taman Panchor Jaya dan Encik Ahmad bin Yunus di Kampung Tengah, Seri Menanti. Bantuan ini bertujuan untuk mengurangkan kos rawatan yang terpaksa ditanggung oleh mereka. Dengan purata rawatan pencucian buah pinggang sebanyak 13 kali sebulan dan empat jam di atas kerusi menjalani rawatan membuatkan masa mereka banyak digunakan untuk rawatan.<sup>18</sup>

#### b. Pengagihan Tahun 2000

Sepanjang tahun lalu, sebanyak RM 6,808,472.93 telah sempat diagihkan kepada 38 cabang yang merangkumi pelbagai pertubuhan, organisasi, perseorangan dan aktiviti yang telah dijalankan. Antara pertubuhan-pertubuhan yang mendapat sumbangan hasil wang zakat setiap tahun ialah PERKIM, Islamic Outreach, Muslim Revert Association dan badan-badan kebajikan Islam yang lain. Selain itu pelbagai aktiviti dan program turut mendapat pengagihan daripada baitulmal seperti kursus haji, kursus *mu'allaf*, kursus amil, pengurusan jenazah, kaunseling MAINS, dakwah, kursus membaca al-Quran dan lain-lain

pembiayaan kursus sebanyak RM385,085.35. Jumlah ini adalah kurang sebagaimana diperuntukkan oleh Baitulmal sebanyak RM550,000.00

Peruntukkan kepada pelajaran dan pendidikan pula adalah sebanyak RM2.35 juta meliputi bantuan kepada sekolah menengah agama, sekolah agama rakyat, pengajian tinggi Islam, kebajikan am pelajaran, dermasiswa pelajaran, subsidi makan dan asrama, buku-buku agama dan bantuan tambang pelajar luar negara. Namun begitu hanya RM2,00,433.70 telah diagihkan.

Di dalam menegakkan syiar Islam dan kesucian agama Islam, aktiviti institusi masjid adalah amat penting sekali untuk dihidupkan dan dengan itu ianya turut mendapat sumbangan daripada wang zakat. Sebanyak RM736,000.00 telah diperuntukkan meliputi bayaran saguhati jawatankuasa masjid, bantuan surau-surau, masjid-masjid, perayaan agama Islam, dakwah dan lain-lain lagi dan peruntukkan tersebut turut tidak digunakan sepenuhnya apabila hanya RM570,195.00 diagihkan. Lain-lain peruntukkan pula melibatkan perbelanjaan proses pengutipan dan agihan seperti bahagian amil, tambang kenderaan amil, bahan cetakan, *aṣṇāf* fakir miskin, *aṣṇāf mu'allaf*, *ibn sabīl* dan sebagainya. Senarai secara kuantitatif yang terperinci boleh diperolehi di dalam senarai lampiran.

c. Pengagihan tahun 2001

Sehingga 30 Ogos 2001, sebanyak RM6,747,631.81 telah dibelanjakan meliputi *aṣṇāf* amil, fakir, miskin, *ibn sabīl*, *mu'allaf* dan *fī sabīlillah*. Di bawah

*aṣṇāf* fakir dan miskin, sebanyak RM797,056.00 telah dibelanjakan meliputi bantuan makanan fasa pertama dan kedua. Manakala di bawah *aṣṇāf fī sabīlillah* telah menerima sebanyak RM2,711,662.71 telah diagihkan meliputi bantuan kepada Sekolah Menengah Agama seluruh Negeri Sembilan, bantuan subsidi makan dan asrama Sekolah Menengah Agama Negeri Sembilan, bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SRA) seluruh Negeri Sembilan, bantuan am pelajaran bagi membantu pelajar yang memasuki Pusat Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS) pelbagai peringkat (sijil, diploma, matrikulasi dan ijazah), bantuan kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Islam, bantuan kepada badan kebajikan Islam sekolah, persatuan, kelab dan agensi kerajaan yang menganjurkan program dakwah dan kefahaman Islam dan yang terakhir ialah dermasiswa sekolah-sekolah agama Islam Negeri Sembilan. Sementara itu *aṣṇāf* amil, *mu'allaf* dan *ibn sabīl* masing-masing menerima pengagihan sebanyak RM1,061,127.99, RM326,140.31 dan RM45,071.40.<sup>19</sup>

#### 4.3.1 Pelaksanaan Sistem Agihan

Dari segi teori, kutipan zakat fitrah akan dibahagikan kepada lapan bahagian dengan kadar seperlapan bagi setiap golongan, tetapi pada praktikalnya, didapati bahawa perbelanjaan untuk setiap *aṣṇāf* berbeza dan kadangkala perbezaan jumlah perbelanjaan sebenar di antara *aṣṇāf-aṣṇāf* begitu besar sekali dan juga terdapat lebih pada kebanyakan *aṣṇāf* seperti amil, fakir miskin, *mu'allaf*, *ibn sabīl* dan *fī sabīlillah*. Lebih ini biasanya akan peruntukkan semula kepada *aṣṇāf-aṣṇāf* yang memerlukannya. Pada hakikatnya, peruntukan dan pembahagian untuk

*aṣṇāf* dijalankan mengikut keutamaan *aṣṇāf*. Pengagihan yang bijaksana dan mengikut keperluan semasa adalah diperlukan untuk mempercepatkan pencapaian matlamat keadilan sosio-ekonomi masyarakat Islam.

Melalui bahagian kewangan Baitulmal, sebanyak lapan akaun telah dibuka di dalam proses pengagihan. Namun demikian setiap akaun tidak semestinya mewakili kelapan-lapan *aṣṇāf* tetapi sebaliknya *aṣṇāf* fakir dan *aṣṇāf* miskin telah disatukan akaunnya untuk memudahkan proses pengurusan pengagihan. Sementara itu pula, akaun bagi golongan *fi ṣabīlillah* telah dipecah kepada dua akaun iaitu akaun *fi ṣabīlillah* sendiri dan juga akaun dermasiswa dan bantuan pelajaran. Ini kerana peruntukkan terhadap golongan tersebut didapati banyak dan semakin meningkat berikutan keperluan semasa dan ianya telah diberi keutamaan berbanding dengan *aṣṇāf* yang lain. Jadual di bawah menunjukkan secara terperinci tentang akaun dan data tersebut.

Jadual 5

Peruntukkan Belanjawan Bagi Tahun 2000 (Fitrah dan Harta)

	Nama Akaun	Asal	Tambahan	Pindahan	Jumlah	Telah Diguna	Baki
	Amil		-	-	1,260,000.00	1,150,973.92	109,026.08
	Fakir Miskin	2,200,000.00	-	-	2,200,000.00	1,663,781.41	536,218.59
	<i>Mu'allaf</i>	550,000.00	-	-	550,000.00	664,736.54	-114,736.54
	<i>Ibn sabil</i>	113,000.00	-	-	113,000.00	66,808.00	46,192.00
	<i>Fi sabilillah</i>	1,176,000.00	-	-	1,176,000.00	991,928.11	184,071.89
	Dermasiswa/ Bantuan Pelajaran	2,350,000.00	-	-	2,350,000.00	2,270,244.95	79,755.05
	<i>Riqab</i>	10.00	-	-	10.00	-	10.00
	Gharimin	10.00	-	-	10.00	-	10.00
n ruhan		7,649,020.00	-	-	7,649,020.00	6,808,472.93	840,547.07

Sumber : Baitulmal Negeri Sembilan

Jadual di atas menunjukkan peruntukkan belanjawan bagi setiap *aṣṇāf* yang dinamakan atas akaun amil, fakir dan miskin, *mu'allaf*, *ibn sabil*, *fi sabilillah*, dermasiswa dan bantuan pelajaran, *riqāb* dan *ghārimīn*. Jelas sekali sepanjang tahun 2000 pihak Baitulmal telah memperuntukkan sejumlah yang besar kepada empat *aṣṇāf* iaitu *fi sabilillah*, fakir miskin dan amil dengan masing-masing memperuntukkan pengagihan yang melebihi RM 1 juta. Kumpulan yang kedua terdiri dari *aṣṇāf mu'allaf* dan *ibn sabil* yang mendapat peruntukkan kurang dari RM 1 juta. Namun demikian, tiada pengagihan kepada *aṣṇāf riqāb* dan *ghārimīn* tetapi akaun



untuk mereka tetap diwujudkan dengan mendapat peruntukkan sebanyak RM10.

Hasil daripada pengagihan kepada *aṣnāf* tersebut, didapati masih banyak baki yang tidak digunakan dengan *aṣnāf* fakir -dan miskin memperoleh baki terbanyak iaitu RM536,218.59 diikuti dengan *aṣnāf fi sabīlillah*, amil, dermasiswa dan *ibn sabīl* dengan masing-masing mencatatkan lebih sebanyak RM536,218.59, RM184,071.89, RM109,026.08, RM79,755.05 dan RM46,192.00

Sementara itu, dalam melaksanakan agihan yang lebih cepat dan menyeluruh, pihak baitulmal telah mewakilkan kuasa kepada amil-amil untuk menjalankan agihan kepada tiga *aṣnāf* iaitu fakir, miskin dan amil sendiri. Sementara untuk lima *aṣnāf* yang lain akan diuruskan oleh pihak baitulmal sendiri.

Hampir 1,000 orang amil bertanggungjawab mengenalpasti dan menyenaraikan mereka layak menerimanya. Nama mereka yang layak kemudiannya akan dihantar kepada pihak baitulmal yang kemudiannya akan memanggil mereka datang menerima pemberian zakat daripada pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan di masjid-masjid yang telah ditetapkan.<sup>20</sup>

#### 4.3.2 Permasalahan dalam pengagihan

Walaupun dari segi teorinya, fakir miskin telah mendapat bantuan zakat, namun pada hakikatnya, ianya adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan keperluannya. Kelihatan jelas di sini bahawa -pelaksanaan perbelanjaan tersebut masih terlalu jauh dari matlamatnya. Matlamatnya ialah untuk memberi kegembiraan dan bantuan kepada fakir miskin semasa menyambut Hari Raya ternyata tidak tercapai. Walaupun setiap tahun, peruntukan untuk mereka disediakan, namun bahagian yang diterima adalah yang paling sedikit jika dibanding dengan peruntukan untuk golongan-golongan lain. Ini diakui sendiri oleh beberapa orang fakir dan miskin yang sempat ditemui oleh penulis yang mana mereka mengatakan bahawa pemberian zakat adalah sedikit dan tidak dapat menampung keperluan Hari Raya.

Permasalahan yang juga sering timbul ialah pembahagian kutipan zakat fitrah selepas Hari Raya. Dari segi teorinya, pembahagian zakat hendaklah sebelum Hari Raya supaya golongan fakir miskin berhak merasa keseronokan berhari raya. Tetapi apabila dipraktikkan, ianya agak sukar untuk dijalankan kerana masih ada dari kalangan masyarakat Islam yang mengamalkan sikap suka menangguhkan pembayaran sehingga saat-saat akhir sebelum keluar sembahyang Hari Raya. Perkara seumpama ini sepatutnya diberikan perhatian yang serius oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam supaya pelaksanaan pengagihan dapat dijalankan sebelum masyarakat Islam menyambut Hari Raya.

#### 4.3.3 Mereka yang layak menerima zakat fitrah mengikut enakmen

Pada asasnya, penerima zakat hendaklah seperti mana yang telah dinyatakan oleh Allah *ta'ala* dalam surah *al-Taubah* ayat 60. Begitulah halnya juga dengan peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan 1991, walaupun enakmen tersebut tidak memperuntukkan dengan jelas mengenai perkara ini. Tafsiran peruntukan Seksyen 155 enakmen tersebut yang mengkehendaki supaya segala urusan mengenai zakat di Negeri Sembilan hendaklah mengikut ketetapan *syara'*. Jadi dalam masalah pengagihan zakat, golongan yang berhak menerimanya mestilah yang menurut ketetapan *syara'*. Dengan ini nyatalah bahawa peruntukan ini memberikan hak kepada *aṣnāf* yang lepas. Penyata perbelanjaan zakat 1999 yang dikeluarkan oleh Baitulmal juga menunjukkan pengagihan tersebut kepada lapan golongan ini.

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan juga tidak mentafsirkan pengertian setiap *aṣnāf* tersebut. Jadi perkara ini akan menimbulkan masalah kerana untuk mengenalpasti *aṣnāf-aṣnāf* tertentu agak sukar dan dibimbangkan akan berlaku silap tafsiran. Permasalahan juga wujud, apabila *aṣnāf-aṣnāf* yang sudah tidak wujud lagi seperti *al-Riqāb* dan *al-Ghārimīn*. Oleh itu, adalah diharapkan agar pihak Jabatan mengkaji semula peruntukan untuk golongan-golongan tersebut supaya tidak berlaku penyalahgunaan wang zakat.

#### 4.3.4 Pengagihan Kepada *Aṣnāf*

##### 1. Fakir dan Miskin

Bantuan yang diberikan kepada golongan ini adalah berupa bantuan kepada penuntut-penuntut miskin dalam bentuk pakaian, yuran persekolahan, wang saku dan tambang. Bantuan juga diberikan kepada keluarga-keluarga yang ditimpa kemalangan seperti kebakaran, banjir, ribut dan sebagainya.

Tugas menyelidik dan mencari para fakir dan miskin terutamanya di kampung-kampung adalah dipertanggungjawabkan ke atas amil-amil di kawasan masing-masing. Bancian terhadap fakir-fakir ini dibuat melalui satu borang bancian yang disediakan oleh Bahagian Zakat, Baitulmal. Setelah diisi, ianya diserahkan kepada Jawatankuasa Zakat untuk dinilai dan dipertimbangkan melalui mesyuarat yang diadakan.

Sehingga bulan Ogos 1999, sebanyak RM710,161.65 telah diagihkan kepada fakir dan miskin iaitu bantuan tahunan sebanyak RM617,241.65 dan bantuan kebajikan am sebanyak RM 92,920.00. Jumlah ini agak berkurangan jika dibandingkan pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM1,238,686.19 dan pada tahun 1997 sebanyak RM1,109,842.75 telah diperuntukkan.

Tahun 2000 pula menampakkan peningkatan dari segi peruntukkan dan perbelanjaan. Sebanyak RM1,663,781.41 telah digunakan berbanding sebanyak RM2.2 juta daripada peruntukkan asal. Perbelanjaan ini merangkumi bantuan makanan, pakaian dan kebajikan am yang lain. Sementara itu, sehingga bulan Ogos 2001, sebanyak RM797,056 telah dibelanjakan melebihi sebanyak RM86,894.35 dalam tempoh yang sama pada tahun 1999.

## 2. Amil

Amil mendapat 1/8 daripada hasil zakat dalam kawasannya sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Pada tahun 1999, sebanyak RM753,637.98 telah diperuntukkan kepada *asnāf* amil ini, manakala pada tahun sebelumnya sebanyak RM629,645.31.<sup>21</sup> Pada tahun 2000 pula, sebanyak RM1,150,973.92 telah digunakan daripada RM1.26 juta yang telah diperuntukkan, peningkatan sebanyak 34.5% dicatatkan. Penggunaan meliputi perbelanjaan mengutip zakat fitrah, tambang amil, kursus amil dan cetak-mencetak selain bahagian amil yang telah ditetapkan. Sementara itu, sehingga bulan Ogos 2001, sebanyak RM1,061,127.99 telah dibelanjakan.

## 3. *Fī sabīlillah*

Konsep *fī sabīlillah* dalam konteks masyarakat hari ini telah diperluaskan. Istilah *fī sabīlillah* tidak lagi merujuk hanya kepada berjihad

atau berperang sahaja. Sebaliknya ia turut dirujuk kepada setiap perjuangan atau usaha yang diredhai oleh Allah seperti perjuangan menuntut ilmu pengetahuan serta ilmu agama, usaha membangunkan sekolah-sekolah agama, masjid, surau, bantuan kepada guru-guru agama, pembiayaan menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah dan lain-lain.

Pada tahun 1999, sebanyak RM589,768.37 telah diperuntukkan kepada *aṣnāf fī sabīlillah* ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM306,632.00 telah diagihkan kepada jawatankuasa surau dan masjid di seluruh negeri untuk urusan pembaikan masjid dan hal ehwal berkaitan gaji dan pengurusanannya manakala sebanyak RM151,536.77 telah dibelanjakan untuk pembiayaan kursus-kursus sepanjang tahun. Selebihnya telah diagihkan kepada badan-badan kebajikan Islam, pembelian buku-buku agama dan derma bagi menganjurkan perayaan agama Islam iaitu sebanyak RM116,439.50.<sup>22</sup>

Melalui peruntukan *aṣnāf* ini juga, MAINS telah mengagihkan sebanyak RM 198,000.00 kepada 60 buah sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh Negeri Sembilan. Jumlah agihan ini telah ditambah berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Walau bagaimanapun ianya lebih bergantung kepada nisbah jumlah bilangan pelajar di sesebuah sekolah agama rakyat tersebut. Setiap sekolah-sekolah menerima bantuan antara RM 2,500.00 sehingga RM 5,000.00.<sup>23</sup>

Dalam tahun 2000 pula, sebanyak RM3,526,000 telah diperuntukkan dan sebanyak RM3,262,172 pula telah digunakan dan ianya meliputi dermasiswa dan bantuan pelajaran. Sehingga bulan Ogos 2001 pula, sebanyak RM3,518,237.09 pula telah diguna dan dibelanjakan untuk *asnaf* ini.

#### 4. *Ibn sabil*

*Ibn sabil* ialah orang-orang yang terkandas di dalam perjalanan secara yang diluluskan oleh *syara*<sup>c</sup>. Kejadian seperti ini ada juga berlaku tetapi amat jarang sekali dan tidak ramai. Misalnya ada orang luar yang datang ke Negeri Sembilan atas sesuatu urusan kemudian wangnya hilang atau dicuri atau tidak cukup wang untuk pulang dan meneruskan perjalanan. Dalam kes ini, pihak MAINS akan mempertimbangkan keadaannya sama ada benar atau tidak berdasarkan bukti-bukti tertentu atau aduan dari pihak polis dan sebagainya.<sup>24</sup>

Pada tahun 1999, bantuan kepada *asnāf ibn sabīl* ini berjumlah lebih kurang RM 23,566.70 dan jumlah ini agak berkurangan berbanding pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM82,014.80. Daripada jumlah itu, sebanyak RM71,000 adalah bantuan tambang untuk pelajar dan RM7,290 adalah bantuan tambang naik haji bagi Pegawai Masjid dan Pegawai Majlis yang menguruskan jemaah haji dan selebihnya diagihkan untuk pembiayaan untuk kursus haji.<sup>25</sup>

## 5. *Mu'allaf*

Hasil daripada dakwah kepada masyarakat yang bukan Islam, terdapat ramai daripada kalangan mereka yang telah tertarik kepada agama Islam dan memeluknya. Maka adalah menjadi satu kewajipan untuk memberi bimbingan kepada mereka terutama yang berhubung dengan *farḍu 'ain* dan akidah Islam. Hal ini tidak dapat diselenggarakan dengan sempurna melainkan dengan mengadakan tempat untuk mereka tinggal di situ. Ini adalah kerana kebanyakan dari saudara baru itu telah disisih oleh keluarga masing-masing.

Mereka memerlukan perhatian dan bimbingan yang sewajarnya. Ini amat perlu agar mereka tidak merasa sedih dan merasa nasib mereka terbela. Sehubungan itu, unit dakwah sebagai unit yang bertanggungjawab dalam menguruskan kebajikan saudara-saudara baru telah mengadakan beberapa aktiviti dakwah untuk memberi kefahaman kepada mereka.

Pihak Baitulmal pula telah memperuntukkan sebanyak RM4,315,222.66 pada tahun 1998 yang sebahagian besarnya digunakan dalam membimbing *mu'allaf* dari segi mengadakan kursus-kursus, bantuan kebajikan kepada *mu'allaf* secara peribadi ataupun kepada badan-badan yang dipertanggungjawabkan seperti PERKIM, Islamic Outreach dan Muslim Revert Association (MRA). Namun begitu jumlah ini telah berkurang kepada hanya RM287,862.42 sehingga Ogos 1999 berbanding sebanyak RM424,208.16 pada tahun 1998. Ini mungkin disebabkan



kurangnya kegiatan-kegiatan untuk menarik lebih ramai lagi orang bukan Islam memeluk Islam dan kesannya jumlah *mu'allaf* agak rendah berbanding tahun sebelumnya.<sup>26</sup>

#### 4.3.5 Lebihan perbelanjaan zakat

Peruntukan tahun 1999 telah menunjukkan satu jumlah yang agak besar iaitu sebanyak RM6,075,512.46. Sementara perbelanjaan untuk *aṣnāf-aṣnāf* pada tahun tersebut sehingga bulan Ogos 1999 ialah sebanyak RM3,402,788.56 dengan lebihan perbelanjaan sebanyak RM2,672,273.<sup>27</sup>

Menurut seksyen 138 (1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan 1991, baki wang yang tidak habis dibelanjakan pada tahun semasa secara automatik akan menjadi Wang Kumpulan Majlis disebabkan Bahagian Zakat tidak mempunyai akaun sendiri. Bagaimanapun, kedudukan baki wang zakat menjadi wang Majlis juga kurang jelas kerana terdapat satu seksyen lain yang bercanggah iaitu seksyen 162 (2) yang membolehkan satu akaun zakat yang berasingan hendaklah dibuka di bawah Jabatan dan bukannya di bawah Majlis.<sup>28</sup>

Oleh kerana kedudukan akaun zakat sekarang adalah di bawah Wang Kumpulan Majlis, maka adalah lebih satu akaun Kumpulan Wang Amanah Zakat ditubuhkan segera di bawah Jabatan selaku pemegang amanahnya supaya segala akaun yang berkaitan termasuk baki wang zakat

yang masih ada dapat diuruskan dengan baik untuk faedah *aṣnāf* yang lapar, di samping agihan dapat dilakukan dengan lancar.<sup>29</sup>

Pengasingan akaun zakat ini adalah perlu dilakukan kerana perbelanjaan wang zakat telah ditentukan dengan jelasnya sama ada di dalam *al-Qur'ān* ataupun *al-Sunnah*. Sekiranya terdapat lebih (baki) dari perbelanjaan tahun semasa, maka wajarlah lebih itu disimpan di dalam akaun khas zakat untuk dilabur di dalam projek-projek yang boleh mendatangkan manfaat atau agihan semula kepada mereka yang berhak pada tahun seterusnya. Adalah diharapkan dengan pengasingan akaun zakat ini, akan memberi kesan yang baik kepada pengurusan kewangan zakat dan mendatangkan manfaat kepada *aṣnāf-aṣnāf*.

#### 4.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pihak Baitulmal telah berjaya meningkatkan kadar pungutan bagi zakat dan fitrah di seluruh Negeri Sembilan berdasarkan data-data terkini yang diterima dan ianya telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Ini menggambarkan bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Baitulmal untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya peranan zakat dalam meningkatkan taraf hidup dan ekonomi umat Islam sedikit sebanyak telah mencapai sasarannya.

## NOTA Hujung

<sup>1</sup> Enakmen Pentadbiran Hukum *Syara'* Tahun 1991, Seksyen 68, Peraturan 1 dan 2, *Warta Kerajaan*, Kerajaan Negeri Sembilan, hal:35

<sup>2</sup> Ibid., Peraturan 3

<sup>3</sup> Ibid., Peraturan 4

<sup>4</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Hj. Shamsuddin bin Abdullah, Unit Kutipan dan Taksiran Zakat, MAINS, 17 Disember 1999

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> bertaraf sederhana boleh difahamkan sebagai seseorang yang dapat menikmati kehidupan yang selesa mengikut kehendak-kehendak *syara'*.

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Enakmen Pentadbiran Hukum *Syara'* (Negeri Sembilan) Tahun 1991, Seksyen 69, Peraturan 1 dan 2, *op.cit.*, hal: 35

<sup>10</sup> Ustaz Hj. Shamsuddin Abdullah, *op.cit.*

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Ibid, Mereka masih menganggap bahawa wang yang disalurkan tidak sampai kepada orang-orang yang benar-benar memerlukan untuk keperluan mereka pada Hari Raya. Jikalau sampai pun kepada mereka, pemberian tersebut pada kebiasaannya adalah terlewat dan ini tidak menepati kehendak *syara'* yang mengkehendaki mereka (orang-orang miskin) bergembira pada hari tersebut.

<sup>13</sup> Enakmen Pentadbiran Hukum *Syara'* (Negeri Sembilan) Tahun 1991, *op.cit.*, hal: 36

<sup>14</sup> Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat Tahun 1996-1999

<sup>15</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Mizhar bin Mazlan, Pegawai Zakat Negeri Sembilan, 17 Disember 1999

<sup>16</sup> Suara MAINS, bil.2/99, hal: 3

<sup>17</sup> Ibid, hal: 8

<sup>18</sup> Ibid, hal: 3

<sup>19</sup> Suara MAINS, Bil. 3/2001, hal: 8

<sup>20</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Shamsuddin bin Abdullah, Unit Kutipan dan Taksiran Zakat Fitrah, MAINS, 17 Disember

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Jalany bin Sulong, Unit Agihan Zakat, 13 Januari 1999

<sup>23</sup> Suara MAINS, bil.2/99, hal: 8

<sup>24</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Jalany bin Sulong, *Op.cit.*, 13 Januari 1999

<sup>25</sup> Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat 1996-1999, hal: 14-16

<sup>26</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Mizhar bin Mazlan, 17 Disember 1999

<sup>27</sup> Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat, *Op.cit.*, hal: 14-16

<sup>28</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Mizhar bin Mazlan, 17 Disember 1999

<sup>29</sup> Ibid.